



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Galaksi Muhsinin

PTS Media Group akan menerbitkan kembali sebuah novel bergenre fiksyen sains yang bertajuk *Galaksi Muhsinin*. Ia akan dikeluarkan dalam edisi kemas kini dengan kaver depan yang lebih menarik. Novel pertama Azrul Jaini bersama PTS ini pernah diterbitkan pada tahun 2008. Naskhah setebal 367 muka surat ini boleh memberi impak yang besar kepada pembaca.

Dalam karya ini, penulis memanfaatkan sepenuhnya status sebagai mahasiswa dalam bidang Kejuruteraan Jurusan Mekatronik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau mengaplikasikan istilah-istilah moden secara tidak keterlaluan dan boleh difahami pembaca.

Berbekalkan imaginasi yang tinggi, beliau menggarap novel itu dengan menggabungkan elemen moden dan Islamik. Menerusi karya ini, pembaca dapat belajar dan mengambil nilai positif yang diketengahkan penulis. Isu keamanan dan nilai-nilai Islam sebenar yang berpaksikan ajaran Rasulullah s.a.w. adalah fokus utamanya. Dalam novel ini, Galaksi Muhsinin adalah satu umat yang berbilang bangsa, tetapi bersatu. Mereka maju, tetapi mereka bertakwa kepada Tuhan. Misi mereka cuma satu, iaitu menyebarkan rahmat ke serata alam.

Ia juga berkisarkan tentang perjuangan khalifah dan rakyatnya mempertahankan wilayah mereka daripada musuh yang tamak. Kemakmuran yang dahulunya tiada tolok banding, kini di ambang kehancuran. Di bawah kepimpinan Khalifah Zulqarnain, mampukah mereka mempertahankan kedaulatan galaksi? Semuanya akan terjawab dalam novel ini.

Novel ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur terutama golongan remaja dan dewasa. Ianya dapat menaikkan semangat perjuangan dalam menegakkan keadilan, seterusnya mengambil inspirasi daripada kandungannya.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my